

B 8078 AAB
MAHATHIR - NIC 9 9 9 9

TELUK INTAN, 13 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN MALAYSIA MAMPU MENJADI SEBUAH LAGI NEGARA BARU PERINDUSTRIAN (NIC) MUNGKIN DALAM MASA SATU DEKAD WALAUPUN ADA PIHAK DALAM NEGERI SENDIRI YANG MENIDAKKAN KEUPAYAAN NEGARA MENCAPAI TAHAP ITU.

KATANYA, KEYAKINAN BELIAU MENGENAI KEUPAYAAN NEGARA KE ARAH ITU BERDASARKAN KECEPATAN PERTUMBUHAN SEKTOR PEMBUATAN DAN MINAT PELABUR ASING MENEMPATKAN KILANG MEREKA DI NEGARA INI.

PADA MASA SEKARANG NEGARA NIC IAITU NEGARA YANG TELAH SAMPAI KE TAHAP ANTARA NEGARA MAJU DAN NEGARA MEMBANGUN IALAH KOREA SELATAN, TAIWAN, HONG KONG DAN SINGAPURA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI PASIR SALAK SEBELUM BEBLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SETELAH MELANCARKAN GERAKAN SETIA BERSAMA RAKYAT (SEMARAK) PERINGKAT NEGERI PERAK DI KAMPUNG GAJAH, 27 KM DARI SINI.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN SEBAGAI MENGHURAIKAN UCAPANNYA PADA MAJLIS PELANCARAN ITU, YANG MENYENTUH SAMBIL LALU RAMALAN CERDIKPANDAI YANG DILAPORKAN HARI INI, BAHAWA MALAYSIA MUNGKIN MENJADI NEGARA NIC DALAM MASA ENAM TAHUN DARI SEKARANG. -- LAGI
1819MST 15 04 88

B 8100 AAB
MAHATHIR - NIC 2 TELUK INTAN 9 9 9 9

SEMASA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU KECEWA DENGAN SIKAP SESETENGAH RAKYAT YANG MENDAKWA KONONNYA NEGARA TIDAK MAMPU MENJADI SEBUAH NEGARA NIC DALAM TEMPOH YANG DIRAMALKAN ATAS ALASAN MENJELANG TAHUN 2000, NEGARA AKAN MEMPUNYAI 70 JUTA ORANG PENDUDUK.

PERDANA MENTERI BERKATA ALASAN ITU ADALAH SATU KESILAPAN KERANA SEBENARNYA MATLAMAT KERAJAAN IALAH SUPAYA NEGARA MEMPUNYAI 70 JUTA PENDUDUK DALAM MASA 112 TAHUN ATAU MENJELANG TAHUN 2100.

KENYATAAN NEGATIF YANG MENIDAKKAN KEUPAYAAN NEGARA MENJADI NEGARA NIC SAMA JUGA SEPERTI SIKAP MEREKA YANG MENGATAKAN MALAYSIA TIDAK BOLEH MENGELUARKAN KERETA SENDIRI ATAU MENDIRIKAN KILANG BESI SENDIRI.

KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITA SAMA ADA MALAYSIA AKAN KEHILANGAN BEBERAPA KEISTIMEWAAN TERTENTU SETELAH TERGOLONG SEBAGAI NEGARA NIC, MISALNYA DARIPADA SEGI BANTUAN KEWANGAN, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA SEHARUSNYA BERSEDIA MENGHADAPI MASALAH KEHILANGAN KEISTIMEWAAN ITU APABILA IA MENJADI SEBUAH NEGARA YANG KAYA ATAU MAJU.

KATANYA, SESEBUAH NEGARA ITU SENDIRI MEMPUNYAI PILIHAN SAMA ADA IA HENDAK TERUS MENJADI NEGARA MISKIN ATAU SEBALIKNYA.

BELIAU MENYIFATKAN SESEBUAH NEGARA YANG TIDAK BERUSUHAH KE ARAH KEMAJUAN SEBAGAI NEGARA YANG TIDAK BERHARUAH. -- LAGI
1827MST 15 04 88

B B101 AAB

MAHATHIR - NIC 3 TELUK INTAN R R R R

PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU JUGA BELIAU MENGUMUMKAN GERAKAN SEMARAK AKAN DITERUSKAN SELEPAS HARI RAYA PUASA DI SEMUA NEGERI MEMANDANGKAN GERAKAN ITU SANGAT BERKESAN DARIPADA SEGI MEMBERI PELUANG KEPADA PEMIMPIN BERTEMU DENGAN RAKYAT DAN MEMBERI PENERANGAN KEPADA MEREKA.

BELIAU BERBESAR HATI DENGAN SAMBUTAN SEMARAK DI KAMPUNG GAJAH, IAITU YANG KETIGA DALAM SIRI GERAKAN SEMARAK SELEPAS PELANCARAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI KELANTAN DAN PERINGKAT NEGERI PERLIS DI SUNAGI BATU PAHAT BARU-BARU INI.

SEBELUM BERLEPAS PULANG, BELIAU MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP SELAMA KIRA-KIRA SETENGAH JAM DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI PERAK DI SEKOLAH KEBANGSAAN TOK PELITA, PASIR SALAK, DI MANA BELIAU MEMBERI PENERANGAN MENGENAI KEADAAN POLITIK DALAM NEGERI MASAKINI DAN PERKEMBANGAN YANG MELIBATKAN UMNO (BARU).

TERDAHULU ITU, SEMASA MELANCARKAN GERAKAN SEMARAK NEGERI PERAK, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAJAK KIRAK-KIRA 15,000 ORANG YANG HADIR SUPAYA MENOLAK FIKIRAN YANG BOLEH MENECAHBELAHKAN RAKYAT SEPERTI MENGGOLONGKAN PENDUDUK MENGIKUT NEGERI-NEGERI.

BELIAU MENYIFATKAN GOLONGAN YANG MENIMBULKAN PERPECAHAN DAN MEMBURK-BURUKKAN NEGARA SENDIRI SEBAGAI +PENGACAU DAN MAHKLUK PEROSAK+. -- LAGI

1829MST 15 04 88

D937

B B105 AAB
MAHATHIR - NIC 4 TELUK INTAN R R R R

KATANYA, RAKYAT JANGAN MENGULANGI SEJARAH MELIBATKAN DIRI DALAM SENGKETA KERANA IA AKAN MELAMBATKAN USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA.

MENGENAI DEMOKRASI, BELIAU BERKATA RAKYAT BOLEH MENGGUNAKAN UNDI MEREKA UNTUK MENOLAK MANA-MANA PEMIMPIN YANG TIDAK SETIA KEPADA NEGARA ATAU YANG TIDAK MEMENUHI ASPIRASI MEREKA TANPA MENCETUSKAN PERTUMPAHAN DARAH ATAU PERSENGKETAAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK BERNIAT UNTUK BERGERAK SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG ELITIS DI MANA HANYA SEGELINTIR ORANG MEMERINTAH BILANGAN RAKYAT YANG BESAR.

ATAS KESEDARAN INILAH GERAKAN SEMARAK DIJALANKAN DI SELURUH NEGARA SUPAYA PEMIMPIN BUKAN SAHAJA DATANG MENEMUI RAKYAT SEMASA PILIHAN RAYA TETAPI JUGA DI LUAR MUSIM PILIHAN RAYA.

ORANG RAMAI YANG MENDENGAR UCAPAN PERDANA MENTERI SELAMA KIRA-KIRA 35 MINIT ITU MELAUNGKAN KATA-KATA +KAMI MAHU MAHATHIR+.

APABILA HADIRIN BERSORAK +HIDUP MAHATHIR+, PERDANA MENTERI MENINGATKAN MEREKA BAHAWA +PEMIMPIN DATANG DAN PERGI DAN TIADA PEMIMPIN YANG AKAN KEKAL DAN MENONGKAT LANGIT+. -- LAGI
1836MST 15 04 88

D941

B B106 AAB
MAHATHIR - NIC 5 TELUK INTAN R R R R

BELIAU BERKATA APA YANG PENTING BAGI MEREKA YANG INGIN MENJADI PEMIMPIN IALAH SUPAYA BERSABAR MENUNGGU SEBENTAR DAN MENGGUNAKAN DEMOKRASI BUKAN UNTUK MERUNTUHKAN KEHARMONIAN YANG ADA.

PADA AKHIR UPACARA PELANCARAN MAJLIS ITU, MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, MENYAMPAIKAN DERMA TABUNG RAKYAT PALESTIN DARIPADA RAKYAT NEGERI PERAK BERJUMLAH KIRA-KIRA \$18,000 KEPADA PERDANA MENTERI.

SELEPAS MELANCARKAN GERAKAN SEMARAK TERSEBUT, DATUK SERI DR MAHATHIR MENINJAU SATU-PERSATU GERAI-GERAI YANG MEWAKILI 23 KAWASAN PARLIMEN DI PERAK DAN GERAI-GERAI JABATAN SERTA AGENSI KERAJAAN DI SEBUAH PULAU DI SUNGAI PERAK, YANG TERLETAK DI BELAKANG PEKAN KAMPUNG GAJAH.

DI PULAU ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMASANG PINTU KANDANG BIRI-BIRI DAN MENYAMPAIKAN EMPAT EKOR BIRI-BIRI KEPADA EMPAT PESERTA REVOLUSI DESA KAMPUNG GAJAH.

BELIAU KEMUDIANNYA MENYERTAI PERLUMBAAN MENGAYUH SAMPAN DI SUNGAI PERAK DAN PASUKANNYA MENDUDUKI TEMPAT KETIGA.

SELEPAS ITU BELIAU BERSEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID PASIR SALAK.
-- BERNAMA

1844MST 15 04 88